

Hubungan Antara Peruntukan Masa, Jenis Dan Cara Pengelolaan Guru Terhadap Kerja Rumah (*Homework*) Bahasa Melayu Dengan Pencapaian Di Sekolah Rendah

Yeo Kee Jiar & Heng Guay Looe

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kerja rumah merupakan suatu amalan biasa dalam kehidupan harian pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Kerja rumah dipercayai memainkan peranan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu masa yang diperuntukan bagi menyiapkan kerja rumah, jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah telah dikaji. Seramai 90 orang pelajar tahun lima dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kluang telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Data kajian diperolehi melalui soal selidik. Semua data dianalisis dengan *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Analisis deskriptif (frekuensi dan peratus) dan inferensi (*Spearman's rho* dan *Pearson Correlation Coefficient*) digunakan dalam tatacara menganalisis data. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa, kerja rumah jenis persediaan dan peluasan pengetahuan, cara pengelolaan guru semasa pemberian kerja rumah dengan pencapaian Bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat hubungan yang signifikan antara jenis kerja rumah latihan dan cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah disempurnakan) dengan pencapaian. Secara umum, keberkesanan kerja rumah terhadap prestasi pencapaian pelajar di sekolah rendah adalah kecil. Dapatan kajian ini mencadangkan supaya guru memberi pelajar kerja rumah dalam bentuk latihan pengukuhan dan pelajar diberi komen serta maklum balas terhadap prestasi mereka.

Katakunci : peruntukan masa, jenis, cara pengelolaan, guru, kerja rumah, Bahasa Melayu

Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Kejayaan negara melahirkan modal insan yang memenuhi keperluan pada masa depan amat bergantung kepada kemantapan sistem pendidikan negara. Kemantapan sistem pendidikan pula bergantung kepada kecemerlangan guru melaksanakan peranan masing-masing. Justeru itu, amanah yang dipikul guru amat penting.

Pelajar merupakan individu yang mengalami proses pembelajaran melalui pengajaran yang disampaikan oleh guru. Mereka ini berbeza-beza dari segi kognitif, emosi dan psikomotor. Setiap individu mempunyai cara belajar masing-masing. Salah satu strategi yang diamalkan oleh para pelajar dalam pembelajaran ialah amalan kerja rumah yang diberi oleh guru samada berbentuk soalan latihan, lembaran kerja, kerja bertulis, sebagai persediaan awal mahupun sebagai pengukuhan.

Penyataan Masalah

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa membuat kerja rumah adalah suatu amalan yang membazirkan masa. Menurut kumpulan penyelidik dari Australia dalam artikel "*Australian Principle : Homework a waste of time,*" pada 28 Julai 2004 telah menyatakan pelajar di Malaysia memperuntukkan purata sebanyak 3.8 jam dalam sehari untuk menyiapkan kerja rumah dianggap suatu tindakan yang membazirkan masa. Ini disebabkan daripada kajian yang dilakukan oleh *Australian Council for Educational* mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa yang banyak untuk menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian mereka.

Beberapa kajian yang berkaitan dengan amalan kerja rumah sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan. Antaranya kajian yang menunjukkan bahawa jumlah masa yang digunakan oleh pelajar masih lagi di tahap yang rendah. Dalam bulan April 1983, *National Commission On Excellence in Education* di Amerika Syarikat melalui buku yang bertajuk "*A Nation At Risk*" melaporkan pandangan tentang cara untuk mengatasi krisis dan cabaran dalam pendidikan. Antara laporan ini ada menyebut, pelajar-pelajar di sekolah tinggi menggunakan masa kurang daripada 1 jam sehari untuk tujuan menyiapkan kerja rumah. Ianya didapati tidak mencukupi sehingga mengakibatkan pencapaian pelajar merosot.

Kerja rumah amat penting untuk memupuk motivasi sendiri (Skinner, 1984:461). Begitu juga pandangan yang disuarakan oleh ibu bapa dan masyarakat tentang betapa pentingnya kerja rumah, seperti memberi gambaran kepada ibu bapa tentang apa yang dipelajari oleh anak-anak mereka di sekolah, melatih pelajar-pelajar melakukan kerja sendiri mengikut arahan, melatih pelajar-pelajar mengurus masa lapang dengan baik. Terdapat juga pandangan-pandangan para ibu bapa yang agak negatif tentang penekanan kerja rumah dengan alasan kerja rumah merampas masa kanak-kanak untuk berkembang dari segi jasmani, mengurangkan minat pelajar terhadap pelajaran akan datang, ibu bapa memerlukan masa yang banyak untuk membimbing anak membuat kerja rumah.

Daripada faktor-faktor yang dikenalpasti, penyelidik ingin mengupas tiga faktor iaitu peruntukan masa untuk pelajar menyiapkan kerja rumah, jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru dalam pemberian kerja rumah. Adakah faktor-faktor tersebut mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar di sekolah rendah terutamanya subjek Bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara peruntukan masa, jenis dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar tahun lima dalam mata pelajaran tersebut. Objektif khusus kajian ialah :

1. mengenal pasti hubungan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian.
2. mengenal pasti hubungan antara jenis kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian.

Kepentingan Kajian

Penyelidik ingin melaksanakan kajian ini memandangkan pencapaian akademik semakin menjadi perhatian masyarakat di negara ini dan merupakan salah satu isu penting sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, mahupun pengajian tinggi. Seseengah pencapaian pelajar masih di tahap yang kurang memuaskan walaupun banyak masa telah diperuntukkan bagi menyelesaikan latihan-latihan kerja rumah khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dapat memberi satu gambaran yang jelas dan signifikan terhadap hubungan kerja

rumah dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini akan membantu pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak untuk menentukan langkah-langkah dan strategi melalui amalan kerja rumah daripada hasil dapatan yang diperolehi.

Kajian ini penting untuk pelajar kerana kebanyakan masa pelajar sendiri tidak tahu mengapa mereka kurang menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu. Setelah mengenal pasti hubungan antara peruntukan masa dan jenis kerja rumah dengan pencapaian, penyelidik berharap para pelajar dapat menguruskan masa untuk menyiapkan kerja rumah dengan lebih baik dan berkesan, dan mengaplikasikan jenis-jenis kerja rumah Bahasa Melayu yang lebih efektif untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

Setiap ibu bapa berharap agar anak mereka dapat berjaya dalam pelajaran mereka. Kajian ini memberi penjelasan kepada ibu bapa kepentingan pemberian kerja rumah terhadap pelajar, seterusnya menyedari kepentingan mereka dalam penglibatan proses pembelajaran anak mereka di rumah. Ibu bapa akan lebih memahami keperluan anakanak mereka dan sentiasa memberi dorongan kepada anak mereka untuk menyiapkan kerja rumah.

Kejayaan dalam pengurusan kerja rumah adalah bergantung kepada kecekapan guru-guru. Tahap pembelajaran pelajar akan meningkat jika kerja rumah dirancang dan diuruskan dengan baik. Dapatan kajian ini dapat membantu guru-guru menggunakan strategi dan pendekatan yang lebih sesuai semasa memberi kerja rumah kepada pelajar. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru-guru untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan di dalam pengajaran mereka terutamanya dari segi pemberian kerja rumah.

Hasil daripada kajian dapat digunakan oleh pihak pengurusan sekolah untuk dijadikan garis panduan dalam merancang dan merangka sesuatu rancangan yang bersesuaian untuk meningkatkan pencapaian pelajar dengan amalan membuat kerja rumah. Pihak sekolah dapat juga mengadakan ceramah untuk membantu pelajar dalam membuat pengagihan masa dalam menyiapkan kerja rumah dengan aktiviti lain secara seimbang.

Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, dapatan kajian tentang hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini dapat dijadikan salah satu sumber dan rujukan KPM yang seterusnya.

Peruntukan Masa dalam Kerja Rumah dengan Pencapaian Pelajar

Beberapa kajian di Amerika telah dilakukan untuk melihat hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik, penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anakanak dan masa dihabiskan menonton televisyen (Keith, et al., 1986). Kajian yang melibatkan 28,000 orang dewasa dan 1000 buah sekolah mendapati ada hubungan positif yang signifikan antara masa dihabiskan untuk membuat kerja rumah dengan pencapaian akademik.

Swank (1999) membandingkan skor kuiz Matematik 21 orang murid gred empat di sebuah sekolah rendah, separuhnya diberikan kerja rumah untuk disempurnakan, manakala separuh lagi tidak diberi kerja rumah. Keputusan memeranjatkan Swank kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan tersebut. Satu kajian lagi dijalankan oleh Cooper, Lindsay, Nye dan Greathouse (1998) mendapati tiada hubungan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah dengan pencapaian ujian setara bagi murid-murid gred enam hingga dua belas. Bagaimana pun, terdapat hubungan yang positif antara peruntukan masa terhadap kerja rumah dengan gred pelajar secara keseluruhan.

Kajian yang dijalankan oleh Bennett (1982) mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara jumlah masa untuk membuat kerja rumah dengan pencapaian. Hasil kajian ini sejajar dengan hasil kajian Carroll (1984). Carroll mendapati bahawa pencapaian pelajar adalah

lebih baik daripada jangkauan pencapaian berdasarkan kebolehan pelajar pada peringkat awal kemasukan mereka ke sekolah jika pelajar memperuntukan masa yang lebih untuk membuat kerja rumah.

Kajian Cooper, Robinson, dan Patall (2006) menunjukkan bahawa masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan kerja rumah bagi sekolah menengah atas adalah 1. hingga 2. jam satu malam dan berkurangan untuk pelajar yang lebih muda. Disamping itu, juga didapati bahawa 43 daripada 50 kajian menunjukkan pelajar yang memperuntukkan masa yang banyak dalam kerja rumah mereka mendapat skor yang tinggi dalam peperiksaan mereka untuk sekolah asas, sekolah menengah bawah dan sekolah menengah atas (Cooper, 1994). Namun, menurut Sharp, Keys & Benefield (2001), peruntukan masa untuk menyempurnakan kerja rumah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian pelajar di sekolah menengah tetapi tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk sekolah rendah.

Cooper (dipetik dalam Begley, 1998, p.50) berkata, ramai pengkaji bersetuju bahawa kerja rumah tidak menggalakkan tingkah laku berkaitan sekolah yang positif. Bahkan ada pengkaji yang mengatakan bahawa kerja rumah menimbulkan bibit dan membenci dan tingkah laku buruk terhadap kerja rumah dan sekolah secara am, terutama pada pelajar-pelajar sekolah rendah.

Jenis Kerja Rumah dengan Pencapaian Pelajar

Menurut Cooper (2001), kerja rumah boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut masa iaitu *same-day-content homework* dan *distributed homework*. *Same-daycontent homework* adalah kerja rumah yang berkaitan dengan bahan yang diajar oleh guru pada hari yang sama. *Distributed homework* pula merujuk kepada kerja rumah yang berkaitan dengan bahan yang belum atau yang akan diajar oleh guru. Lapan kajian yang membandingkan *distributed homework* dengan *same-day-content homework* menunjukkan bahawa *distributed homework* dapat meningkatkan pencapaian pelajar berbanding dengan *same-day-content homework*. Kajian telah mendapati bahawa pelajar yang melakukan kerja rumah dalam *distributed homework* mempersembahkan 54% lebih baik daripada pelajar yang hanya melakukan *same-day-content homework*.

Towensend (1995) mengkaji tentang kesan kerja rumah melibatkan perbendaharaan kata (*vocabulary homework*) terhadap pencapaian murid-murid sekolah rendah gred tiga (*third grade*). Sampelnya yang terdiri daripada 40 orang pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan yang sama. Satu kumpulan pelajar diberi kerja rumah perbendaharaan kata dan satu lagi kumpulan pelajar tidak diberikan kerja rumah. Selepas itu setiap pelajar dari kedua-dua kumpulan itu diuji perbendaharaan katanya. Keputusan ujian membuktikan pelajar yang diberi kerja rumah mempunyai penguasaan perbendaharaan kata yang lebih baik daripada pelajar yang tidak diberi kerja rumah.

Kajian-kajian lain yang berkaitan dengan jenis kerja rumah adalah seperti Epstein dan Van Voorhis (2001) yang menerangkan sepuluh kategori kerja rumah iaitu latihan, persediaan, penglibatan, pembinaan sendiri, hubungan di antara ibu bapa dan pelajar, komunikasi di antara ibu bapa dan guru, pengaruh rakan sebaya, polisi, hubungan masyarakat dan hukuman. Bloom (1986) pula menyatakan terdapat tiga jenis kerja rumah iaitu kerja rumah yang berdasarkan kepada bahan pengajaran di dalam kelas, kerja rumah yang berdasarkan bahan pengajaran baru dan kerja rumah yang diperkembangkan semasa dan selepas proses pembelajaran.

Cara Pengelolaan Guru terhadap Kerja Rumah dengan Pencapaian Pelajar

Pemberian kerja rumah kepada para pelajar bergantung kepada budi bicara seseorang guru. Kajian Coulter (1981) mendapati bahawa tingkah laku guru berhubung dengan pemberian kerja rumah memberi kesan yang mendalam terhadap kadar penglibatan pelajar dalam menyempurnakan kerja rumah. Guru-guru berpendapat bahawa kerja rumah memberi manfaat kepada pelajar menguasai kandungan mata pelajaran dengan baik serta mengukuhkan pembelajaran di bilik darjah. Beattie (1987) mengatakan bahawa bagi guru, kerja rumah telah dianggap sebagai aktiviti tradisi yang rutin dalam proses pengajaran. Menurut Bar-Tal dan Guttmann (1981), guru merupakan salah satu sumber yang banyak memberi sumbangan kepada pelajar dalam pencapaian akademik mereka. Peranan guru dalam memberi kerja rumah kepada pelajar adalah penting kerana ia berhubung kait dengan pencapaian pelajar secara tidak langsung.

Cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas kerja rumah diberi kepada pelajar.

Sebelum kerja rumah diberikan kepada pelajar, guru patut merancang kerja rumah berdasarkan jenis kerja rumah, tahap kesukaran, kemahiran asas pelajar dan sebagainya. Semasa memberi kerja rumah pula, guru harus menjelaskan kepada pelajar bagaimana kerja rumah itu dilaksanakan supaya pelajar tidak mempunyai konsep yang salah terhadap kerja rumah yang diberikan (Woolfolk, 2007). Menurut Butler (1987), guru harus nyatakan tempoh masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menyiapkan kerja rumah semasa memberi kerja rumah supaya pelajar menghantar kerja rumah pada masa yang tepat.

Mengikut kajian Johnson dan Pontius (1989) kebanyakan guru yang member kerja rumah akan mengumpul balik kerja rumah yang dibuat oleh pelajar mengikut tarikh yang ditetapkan, menyemak kerja rumah itu dan menggredekannya. Johnson dan Pontius (1989) melaporkan kajian yang dilakukan oleh Savage pada tahun 1966 mendapati bahawa kakitangan pentadbiran dan guru di sekolah-sekolah di New England berpendapat, kerja rumah harus diberi kepada pelajar sebaik sahaja sesuatu pengajaran harian dilaksanakan. Satu eksperimen yang dijalankan oleh Murphy dan Decker (1989) menunjukkan lebih kurang . daripada guru menyemak dan menggredekkan kerja rumah pelajar. Walaupun kajian ini tidak mengkaji tentang impak maklum balas dalam kerja rumah terhadap pencapaian pelajar, tetapi hasil kajian ini menunjukkan kepentingan memberi kerja rumah dimana ia akan secara tidak langsung mempengaruhi kadar pelajar menyempurnakan kerja rumah.

Terdapat empat jenis maklum balas yang boleh diberikan oleh guru semasa menyemak kerja rumah pelajar. Ini termasuk memberikan gred kepada pelajar berdasarkan mutu kerja rumahnya, memberikan komen yang membina yang dapat membantu pelajar untuk memperbaiki kekurangan dalam kerja rumah, memberikan pujian atau kritikan secara lisan atau bertulis, dan memberikan galakan yang bukan berbentuk lisan atau bertulis seperti memberi pelajar gula-gula (Cooper, 1989a).

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah jenis kajian korelasi (*non experimental*). Kaedah penyelidikan deskriptif merupakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang paling asas sebab pernyataan yang jelas mengenai 'apa dia' iaitu satu pra-syarat penting untuk memahami 'mengapa dia sedemikian' dan 'apa dia akan jadi' (Allison et. at. 1997). Lantaran itu, reka bentuk ini dipilih kerana ia amat sesuai untuk mendapatkan maklumat tentang pemboleh ubah yang hendak dikaji dan menjelaskan permasalahan secara kuantitatif.

Bagi menentukan hubungan antara peruntukan masa, jenis dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian, statistik korelasi pula digunakan.

Instrumen Kajian

Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan. Soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah amat berkesan jika disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik tertutup. Soal selidik ini dibina berdasarkan beberapa andaian seperti yang telah dicadangkan oleh Wolf (1988), iaitu mudah dibaca dan difahami oleh responden, responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab semua item dalam soal selidik dan responden boleh menjawab soal selidik dengan ikhlas dan suka rela. Soal selidik dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

- BAHAGIAN A: Latar belakang responden
- BAHAGIAN B: Soal selidik mengenai jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang dan maklumat demografi responden iaitu jantina, bangsa, markah mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan pertengahan tahun dan masa yang digunakan untuk menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dalam sehari. Pelajar dikehendaki menandakan (_/) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang berkenaan.

Bahagian B

Bahagian ini terdiri daripada 30 soalan berdasarkan dua pemboleh ubah iaitu jenis kerja rumah Bahasa Melayu dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah Bahasa Melayu. Setiap satu pemboleh ubah mempunyai 15 soalan. Setiap item soalan disusun secara rawak berpandukan dua pemboleh ubah tersebut. Pembahagian item soalan dapat digambarkan dalam Jadual 1 seperti di bawah.

Jadual 1 : Pembahagian item berdasarkan jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru

Komponen Item	No Item	Jumlah
Jenis Kerja Rumah	Latihan	2,5,8,11
	Persediaan	1,7,13,19,25
	Peluasan pengetahuan	14,17,20,23,26,29
Cara Pengelolaan Guru	Semasa	3,4,6,10,16,22
	Selepas	9,12,15,18,21,24,27,28,30
Jumlah Besar		30

Skala yang digunakan dalam soal selidik ialah skala respon jenis Likert. Skala Likert memudahkan proses analisis dan tafsiran data yang akan dapat membekalkan satu titik

pemisahan yang jelas antara peratusan yang bersetuju dan peratusan yang tidak setuju dengan item yang disoal (Yusaini, 2000).

Responden akan menjawab pernyataan dengan menanda skala pemeringkatan Likert yang mempunyai lima aras yang berbeza iaitu daripada ekstrem negatif kepada ekstrem positif seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Skala Likert

Skala	Peringkat
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Populasi dan Sampel Kajian

Saiz sampel yang besar boleh meninggikan keesahan dan kebolehpercayaan skor yang lebih memantapkan kajian (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Kajian yang dijalankan pada dasarnya meliputi semua pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Kluang. Namun demikian, penyelidik hanya mengambil sampel berdasarkan kelompok atas kelompok, iaitu melibatkan pelajar tahun lima dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Zon Rengam-Layang, Daerah Kluang.

Tiga buah sekolah yang dipilih ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chin Chiang, Rengam, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Layang, Layang-Layang dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tuan Poon, Simpang Rengam. Pelajar yang terlibat di setiap sekolah ialah 30 orang yang terdiri daripada pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Sampel kajian ialah seramai 90 orang responden, menepati pernyataan Alreck & Settle (1995) yang mencadangkan had bilangan sampel di antara 30 hingga 500 orang yang dipilih secara rawak.

Kajian Rintis

Menurut Baker (1994) kajian rintis merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus. Kajian rintis dapat membantu penyelidik untuk memperoleh petunjuk awal tentang mana-mana bahagian soal selidik yang mungkin tidak tepat atau tidak sesuai, mengenal pasti sebarang kekurangan dalam instrument kajian dan memudahkan kerja penambahbaikan. Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) mengatakan kajian rintis bertujuan untuk mendapat maklumat berkenaan kejelasan dan kemudahan bahasa yang digunakan, bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan, kefahaman terhadap soalan dan kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan ujian yang diberikan.

Kajian rintis telah dijalankan atas 20 orang responden di salah sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Bandar Johor Bahru. Kajian rintis yang dikumpul balik dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.73 menunjukkan kebolehpercayaan item soal selidik.

Taburan Pelajar Mengikut Jantina

Taburan kekerapan dan peratusan pelajar mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 3 seperti berikut :

Jadual 3 : Taburan pelajar mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	34	37.8
Perempuan	56	62.2
Jumlah	90	100.0

Jadua3 menunjukkan taburan dan peratusan responden mengikut jantina. Daripada 90 orang responden, 34 orang responden (37.8%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki manakala sebanyak 56 orang responden (62.2%) merupakan pelajar perempuan. Terdapat perbezaan sebanyak 24.4 % antara bilangan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kajian ini.

Hubungan Antara Peruntukan Masa Untuk Menyiapkan Kerja Rumah Bahasa Melayu Dengan Pencapaian Bahasa Melayu

Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa menyempurnakan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu

Jadual 4 : Analisis korelasi *Spearman's rho* hubungan antara peruntukan masa menyempurnakan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu

Hipotesis Nol	Nilai rho	Nilap P	Keputusan Pengujian hipotesis
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa menyempurnakan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu	-0.18	0.09	Diterima

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

P=nilai signifikan

rho=pekali korelasi

Berdasarkan Jadual 4, pekali korelasi bagi peruntukan masa untuk membuat kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu ialah -0.18, menunjukkan tiada hubungan antara peruntukan masa menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu. Tanda negatif di hadapan nilai pekali tersebut menunjukkan hubungan kedua pemboleh ubah adalah secara songsang.

Memandangkan nilai signifikan bagi pemboleh ubah peruntukan masa dengan pencapaian Bahasa Melayu adalah 0.09, melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05, maka hipotesis nol iaitu “tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu” diterima.

Hubungan Antara Kerja Rumah Bahasa Melayu Jenis Latihan Dengan Pencapaian Bahasa Melayu

Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Jadual 5 : Analisis korelasi *Pearson* hubungan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Hipotesis Nol	Nilai rho	Nilap P	Keputusan Pengujian hipotesis
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu	0.21	0.03	Ditolak

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

P=nilai signifikan

rho=pekali korelasi

Jadual 5 menunjukkan pekali korelasi dan nilai signifikan bagi kerja rumah jenis latihan dan pencapaian pelajar. Nilai pekali 0.21 menandakan adanya hubungan yang lemah antara kerja rumah jenis latihan Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar.

Nilai signifikan bagi pembolehubah kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu ialah 0.03, iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05), maka hipotesis nol bagi hubungan ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu.

Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Jadual 6 : Analisis korelasi *Pearson* hubungan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Hipotesis Nol	Nilai rho	Nilap P	Keputusan Pengujian hipotesis
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dengan pencapaian Bahasa Melayu	0.04	0.70	Diterima

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

P=nilai signifikan

rho=pekali korelasi

Jadual 6 menunjukkan nilai pekali korelasi bagi kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dengan pencapaian pelajar sebagai 0.04 dan dengan nilai signifikan 0.70. Oleh kerana nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada aras signifikan yang telah ditetapkan, iaitu 0.05, maka hipotesis nol ketiga diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dengan pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu.

Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Jadual 7 : Analisis korelasi *Pearson* hubungan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian Bahasa Melayu

Hipotesis Nol	Nilai rho	Nilap P	Keputusan Pengujian hipotesis
---------------	-----------	---------	-------------------------------

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis peluasan pengetahuan dengan pengetahuan Bahasa Melayu	0.11	0.72	Diterima
Aras signifikan, $\alpha = 0.05$	P=nilai signifikan	rho=pekali korelasi	

Berdasarkan Jadual 7, pekali korelasi bagi kerja rumah Bahasa Melayu jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian Bahasa Melayu ialah 0.11. Nilai pekali korelasi yang rendah ini menunjukkan bahawa tiada hubungan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar. Nilai signifikan 0.72 juga melebihi aras signifikan yang ditetapkan. Maka hipotesis nol yang dibina ini diterima.

Perbincangan

Dalam kajian ini, peruntukan masa bermaksud penggunaan masa oleh pelajar dalam sehari untuk menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu yang diberi oleh guru mereka. Taburan pelajar mengikut peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah ditunjukkan dalam Jadual 4. Didapati majoriti pelajar memperuntukkan masa kurang daripada satu jam setiap hari untuk menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar. Nilai pekali korelasi -0.18 menunjukkan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah negatif dan songsang.

Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Paulu (1995) yang melaporkan bahawa pencapaian akademik seseorang pelajar yang memperuntukkan masa yang lebih dalam kerja rumah adalah lebih baik daripada pelajar yang sebaliknya. Begitu juga dengan hasil kajian Bennett (1982) dan Carroll (1984) yang menunjukkan hubungan positif antara jumlah masa untuk membuat kerja rumah dengan pencapaian.

Namun, terdapat kajian yang menyokong hasil kajian ini. Menurut Sharp, Keys & Benefield (2001), peruntukan masa untuk menyempurnakan kerja rumah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian pelajar di sekolah menengah tetapi tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk sekolah rendah. TIMSS (1999) turut mendapati korelasi yang rendah antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian pelajar. Pelajar yang menggunakan masa sebanyak satu hingga tiga jam sehari untuk kerja rumah mendapat pencapaian yang hampir sama tinggi dengan pencapaian pelajar yang memperuntukkan masa lebih daripada tiga jam sehari dalam kerja rumah.

Ada beberapa kemungkinan yang dapat menerangkan sebab peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah di sekolah rendah tidak ada hubungan dengan pencapaian pelajar. Kebanyakan pelajar pada umur ini masih memerlukan dorongan dan bimbingan orang dewasa untuk membuat kerja rumah. Selain itu, pelajar mungkin sukar menumpukan perhatian dan memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkan kerja rumah tanpa desakan orang dewasa dan ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pencapaian. Tambahan pula, pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang rendah sering dikaitkan dengan peruntukan masa yang banyak untuk menyiapkan kerja rumah. Pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif tinggi lebih mudah memahami dan menyelesaikan kerja rumah yang diberi dengan peruntukan masa yang lebih singkat dan menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Terdapat tiga jenis kerja rumah dalam kajian ini, iaitu kerja rumah jenis latihan, jenis persediaan dan jenis peluasan pengetahuan. Penyelidik telah mengkaji setiap jenis kerja rumah ini dan hubungannya dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.6, terdapat hubungan yang lemah antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Melayu. Jadual 6 dan Jadual 7 pula menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara kerja rumah Bahasa Melayu jenis persediaan dan jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian pelajar.

Penyelidik berpendapat pelajar-pelajar di tahap sekolah rendah memerlukan banyak pengukuhan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran. Kerja rumah jenis latihan membantu pelajar mengulangkaji isi pelajaran yang dipelajari dan membantu dalam ingatan dan seterusnya menjamin pencapaian peperiksaan yang baik. Ingatan jangka panjang melibatkan kedua-dua aspek, iaitu ulangan dan penerangan (Byrnes, 1996). Hal ini mengukuhkan dapatan penyelidik bahawa terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian pelajar. Dapatan ini disokong oleh kajian Townsend (1995) yang membuktikan pelajar yang diberi kerja rumah tentang perbendaharaan kata mempunyai penguasaan yang lebih baik daripada pelajar yang tidak diberi kerja rumah tersebut.

Namun, dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian Foyle (1984) yang mendapati bahawa kedua-dua jenis kerja rumah, sama ada jenis persediaan untuk sesuatu pembelajaran atau jenis latihan sebagai pengukuhan dapat meningkatkan pencapaian jika dibandingkan dengan kumpulan yang tidak diberi kerja rumah. Begitu juga dengan kajian Cooper (2001) yang mendapati bahawa pelajar yang melakukan kerja rumah yang berkaitan dengan bahan yang belum diajarkan oleh guru mempersembahkan pencapaian yang lebih baik daripada pelajar yang melakukan kerja rumah yang berkaitan dengan bahan yang diajar oleh guru pada hari yang sama. Hasil kajian tersebut bercanggah dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan tiada hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian pelajar. Penyelidik berpendapat pelajar sekolah rendah tidak begitu aktif dalam persediaan awal sebelum pengajaran guru bermula. Mereka lebih bergantung pada guru untuk memberikan latihan pengukuhan selepas pengajaran daripada mengumpul bahan atau membaca bahan yang akan diajar sebelum pengajaran.

Seterusnya, kajian juga menunjukkan tiada hubungan antara kerja rumah jenis peluasan pengetahuan dengan pencapaian pelajar. Kerja rumah jenis peluasan pengetahuan lebih menekankan inisiatif pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dan lebih bersifat pembelajaran kreatif. Penyelidik berpendapat sistem pendidikan di negara kita lebih berorientasikan peperiksaan iaitu pelajar dan guru kurang menitikberatkan aplikasi kurikulum dalam kehidupan harian. Guru masih cenderung mempraktikkan pendidikan pasif yang memberikan fakta kepada pelajar dan kurang menggalakkan proses pembelajaran yang aktif, terutama di peringkat sekolah rendah. Jadi, kedua-dua kerja rumah jenis persediaan dan peluasan pengetahuan ini kurang memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelajar menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan.

Rujukan

Butler, J.A (1987). *Homework*. Portland. OR: Northwest Regional Educational Laboratory.

C. James Goodwin (2005). *Research Psychology: Methods and design*. Fourth Edition. United State. John Wiley & Sons, Inc.

Cooper, H. (1994). *The Battle over Homework : An Administrator's Guide to Setting Sound and Effective Policies*. California : Corwin Press, Inc.

John W. Creswell. *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating, Quantitative and Qualitative Research*. Third Edition. Pearson Education International.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit UTM

Yusof Boon (2007). *Penyelidikan Tindakan: Modul Pengajaran dan Pembelajaran (Untuk Kegunaan Dalaman)*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Esktop Publiser.